

Dr. M bayangkan Belanjawan 2003 menarik, menggalakkan

UM 14 SEP 2002

BUKIT KAYU HITAM 13 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan pada 20 September ini menarik dan menggalakkan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, dialog tahunan mengenai belanjawan tersebut telah selesai diadakan bersama syarikat-syarikat swasta.

“Saya akan bantangkan belanjawan pada tahun ini dan saya agak yakin bahawa belanjawan kali ini agak menarik dan menggalakkan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Perasmian Kilang Membuat Komponen Pesawat Boeing, Asian Composites Manufacturing Sdn. Bhd. (ACM) di sini, hari ini.

Syarikat yang telah ditubuhkan pada tahun 1998 merupakan usaha

sama antara empat syarikat iaitu Sime Darby Berhad, Nauri Berhad, The Boeing Company dan Hexcel Corporation.

Dr. Mahathir menambah, Malaysia membangun dengan pantas kerana kepercayaan kerajaan yang tinggi terhadap syarikat swasta dan menjalin hubungan baik dengan kumpulan tersebut.

Katanya, kerajaan sentiasa bersedia mendengar segala masalah yang dihadapi oleh pihak swasta dan cuba membantu menyelesaikan masalah yang mereka alami.

Pada masa yang sama, kata beliau, kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan pelabur asing untuk memastikan pelaburan mereka di sini menjana keuntungan.

Perdana Menteri memberitahu bahawa negara kini mengalami kekurangan tenaga kerja dan terpaksa mengimport pekerja dari luar negara.

Beliau berkata, Malaysia sebenarnya mampu menarik masuk pelaburan asing dan sekali gus menawarkan peluang pekerjaan yang baik termasuk kepada pekerja asing.

Menurut Dr. Mahathir, pada masa sekarang negara lebih tertumpu kepada sektor industri berteknologi tinggi dan teknologi informasi yang mana kumpulan pekerja yang terlibat dalam bidang itu sedang menjalani latihan di universiti-universiti dan pusat latihan tempatan.

“Kita lebih berminat untuk meningkatkan kemahiran para pekerja kita dan kini terbukti bahawa pekerja tempatan telah memperoleh latihan dan kemahiran terbaik dalam pelbagai bidang yang diceburi walaupun sebelum ini mereka tiada kepercayaan mereka berpotensi dalam bidang tersebut,” katanya.